

Bahagian A

1. Sebiji dadu adil dilambung 240 kali. Diketahui bilangan kali mendapat muka dengan enam titik ialah 40. Cari kebarangkalian eksperimen mendapat muka dengan enam titik daripada 240 percubaan. **SK 13.2 TP2**

A fair dice is tossed 240 times. It is found that the number of getting face with six dots is 40 times. Find the experimental probability of obtained face with six dots from 240 trials.

- A $\frac{1}{6}$ C $\frac{1}{2}$
B $\frac{1}{3}$ D $\frac{2}{3}$

2. Sebiji dadu dilambung. Cari kebarangkalian mendapat nombor perdana. **SK 13.2 TP2**

A dice is tossed. Find the probability of getting a prime number.

- A $\frac{1}{4}$ C $\frac{1}{2}$
B $\frac{1}{3}$ D $\frac{2}{3}$

3. Satu nombor dua digit yang tidak melebihi 20 dipilih secara rawak. Senaraikan unsur-unsur dalam ruang sampel bagi peristiwa yang memperoleh nombor genap.

A two-digit number not exceeding 20 is randomly selected. List the elements in the sample space of the event that obtains an even number. **SK 13.2 TP2**

- A {10, 12, 14, 16, 18}
B {10, 12, 14, 16, 18, 20}
C {11, 13, 15, 17, 19}
D {11, 13, 15, 17, 19, 21}

4. Dua biji dadu dilontar serentak. Cari kebarangkalian bahawa hasil tambah dua nombor yang diperoleh daripada dua biji dadu itu tidak melebihi 6.

Two dice are thrown simultaneously. Find the probability that the sum of the two numbers obtained from the two dice does not exceed 6. **SK 13.2 TP2**

- A $\frac{1}{4}$ C $\frac{1}{2}$
B $\frac{5}{12}$ D $\frac{2}{3}$

5. Diberi Q ialah peristiwa memilih satu konsonan daripada perkataan "TERBILANG". Cari kebarangkalian bagi peristiwa Q'. **SK 13.3 TP1**

Given Q is the event of choosing one consonant from the word "TERBILANG". Find the probability of the event Q'.

- A $\frac{1}{4}$ C $\frac{1}{2}$
B $\frac{1}{3}$ D $\frac{2}{3}$

6. Satu nombor dipilih secara rawak daripada satu set nombor bulat dari 1 hingga 70. Hitung kebarangkalian bahawa nombor yang dipilih bukan nombor kuasa tiga sempurna. **SK 13.4 TP2**

A number is chosen at random from a set of whole numbers from 1 to 70. Calculate the probability that the chosen number is not a perfect cube number.

- A $\frac{2}{35}$ C $\frac{31}{35}$
B $\frac{4}{35}$ D $\frac{33}{35}$